

Berita Harian MALAYSIA

KHAMIS, 28 SEPTEMBER, 1978

Pelaburan dan kestabilan

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

PARA pelabur tentu tidak tertarik untuk membuat pelaburan di negara-negara yang dianggapnya kurang selamat, yang tidak stabil keadaan ekonomi dan politiknya malah di negara-negara yang stabil tetapi mempunyai sistem pemerintahan yang terlalu mirip ke kiri atau ke kanan.

Malaysia tidak mempunyai satupun dari keadaan-keadaan tersebut, tidak kurang selamat, tidak tidak stabil dan tidak mempunyai sistem pemerintahan yang keterlaluan itu. Sistem demokrasinya lebih kurang sama dengan yang diamalkan di negara-negara yang maju dan kestabilannya pun tidak kurang dari itu.

Kalau dibandingkan dengan beberapa banyak negara membangun, Malaysia boleh berbangga kerana ia termasuk dalam jumlah yang paling stabil, diakui oleh setiap pelawat yang telah melihat sendiri keadaannya.

Oleh itu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah berdiri di atas landasan yang kuat bila beliau berkata dalam seminar pelaburan FIDA di Los Angeles kelmarin bahawa tidak akan ada sebarang perubahan dasar yang besar yang mungkin mempengaruhi kedudukan ekonomi dan pelaburannya.

Timbalan Perdana Menteri telah menghurai sebab-sebab keadaan Malaysia yang begitu baik pada masa ini, bukan sahaja pada masa yang akhir-akhir ini, malah semenjak merdeka 20 tahun lebih dahulu.

Seperkara yang memang benar telah berlaku dan disebut oleh Timbalan Perdana Menteri ialah pertumbuhan ekonomi Malaysia jauh lebih cepat daripada semasa pemerintahan British dan sistem demokrasi yang telah gagal di beberapa buah negara yang baru merdeka, sebaliknya telah berjaya diamalkan di Malaysia.

Tetapi seperti mana-mana negara juga, Malaysia pun mempunyai masalah-masalah dalam negerinya sendiri, terutama kerana rakyatnya terdiri dari pelbagai kaum dan agama dan dengan taraf ekonomi yang berbeza di antara satu dengan satu kaum.

Bagaimanapun, dalam menghadapi masalah-masalah ini, ia tidak mengocak keadaan dan kestabilan politik dan ekonomi seluruhnya. Oleh itu tidak ada sebab bagi sebarang pelabur asing merasa curiga dengan kestabilan di Malaysia, sedangkan kalau mereka ragu-ragu dengannya, mereka boleh datang melihat sendiri.

Di bidang keselamatan pun tidak ada ancaman besar terhadap Malaysia. Kegiatan pengganas-pengganas hanya merupakan sebagai kekacauan. Pengganas-pengganas itu sendiri sedang diburu pada masa ini manakala sebelum ini pun mereka tidak pernah beroleh sebarang inisiatif dalam gerakan-gerakan.